

9. KATA GANDA SEPARA TUNGGAL DAN KATA GANDA SEPARA BERIMBUHAN

PRAKTIS 11: Kata Ganda Separa Tunggal dan Kata Ganda Separa Berimbuhan

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Lelangit kanak-kanak itu terputus talinya lalu diterbangkan angin.

- (ii) Tukang kayu itu sedang mengetam papan di atas sesiku.

- (iii) Jalan selepas jejambat itu agak berliku-berliku hingga ke simpang tiga di hujung sana.

- (iv) Dengan usaha yang gigih ini, mudah-mudah kamu akan berjaya mendapat keputusan yang cemerlang dalam PT3.

10. APITAN KATA NAMA

PRAKTIS 12: Apitan Kata Nama

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Setelah berehat sebentar untuk melepaskan lelah, mereka pun meneruskan jalan ke kaki Gunung Kinabalu.

- (ii) Lawan bola sepak itu terpaksa ditangguhkan sebagai akibat hujan lebat.

- (iii) Sebagai akibat malang itu, Encik Kasim tidak dapat berjalan dengan betul.

- (iv) Kerja sambilan yang dilakukan itu memungkinkan Rajan memperoleh dapat tambahan untuk menyara keluarganya.

11. FRASA ADJEKTIF

PRAKTIS 13: Frasa Adjektif

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Gunung Kinabalu ialah gunung yang tertinggi sekali di Malaysia.

- (ii) Hari ini, Ai Ling tiba di sekolah paling awal sangat.

- (iii) Suaranya sungguh teramat merdu hingga memukau para juri dalam pertandingan tersebut.

- (iv) Semua barang yang dijual di kedai ini mahal-mahal belaka.
